

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]
TARIKH : 19.5.2016
SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah tahap penerimaan pelajar ke atas kursus berteraskan kemahiran teknikal dan vokasional di Kolej Vokasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerimaan murid lepasan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) terhadap permohonan ke program di Kolej Vokasional amat menggalakkan. Ini dapat dibuktikan dengan jumlah permohonan murid pada tahun 2016 ke Kolej Vokasional melebihi 80,000 orang murid, sedangkan tempat yang mampu ditawarkan lebih kurang 20,000 sahaja.

Minat murid terhadap program yang ditawarkan di Kolej Vokasional adalah disebabkan murid yang kurang cenderung kepada akademik memilih pendidikan vokasional sebagai pilihan utama bagi pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program di Kolej Vokasional yang berasaskan kemahiran yang bercorak "*hands-on*" juga penyebab memilih Kolej Vokasional untuk meneruskan pengajian.